

KUALA TRENGGANU, 18 OGOS (BERNAMA) — SEORANG ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO MALAYSIA, DR. MAHATHIR MOHAMMED, MENYESALI SIKAP SEGULONGAN MAHASISWA YANG TURUT BERKEMPEN BAGI CALUN-CALUN PARTI LAWAN DAN BEBAS MENENTANG CALUN BARISAN NASIONAL.

BERUCAP DIMAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PENYOKONG-PENYOKONG BARISAN NASIONAL DI RANCANGAN LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN DI BUKIT BADING DAN RAPAT UMUM DI PEROH, KIRA-KIRA 30 BATU DAR! SINI MALAM TADI, BELIAU BERKATA MEREKA SEHARUSNYA MENUMPUKAN TENAGA DAN MASA KEPADA PELAJARAN.

KATANYA, MEREKA TIDAK DILARANG BERPOLITIK, TETAPI HANYA BOLEH BERPOLITIK DALAM KAMPUS SAJA.

TAMBAH BELIAU, KERAJAAN TELAH MEMBELANJAKAN BERJUTA-JUTA RINGGIT SETAHUN BAGI SETIAP UNIVERSITI DINEGARA INI.

KERAJAAN JUGA MEMBELANJAKAN KIRA-KIRA \$10,000 SETAHUN UNTUK SEORANG MAHASISWA.

+MEREKA SEPATUTNYA BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN KERANA MEMBERI PELUANG DAN PERTOLONGAN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN+, KATANYA. — BERSAMBUNG 1110/LK

512:  
MAHASISWA 2 KUALA TRENGGANU

BELIAU MENINGATKAN PESERTA-PESERTA RANCANGAN ITU JANGAN MUDAH TERPENGARUH DENGAN GOLONGAN MAHASISWA YANG BERKEMPEN KEPADA CALUN-CALUN LAWAN TERUTAMA SEKALI BAGI PARTAI SOSIALIS RAKYAT MALAYA.

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELDA SUPAYA MEMAHAMI BETUL-BETUL KONSEP BARISAN NASIONAL DEMI KEPENTINGAN PERPADUAN DAN KEADILAN.

KATANYA, KONSEP SAINTIFIK SOSIALISMA YANG DIPERJUANGKAN OLEH PARTI RAKYAT TIDAK DAPAT DITERIMA OLEH RAKYAT NEGARA INI.

MENURUT BELIAU, PARTI ITU HANYA PANDAI MEMUTARBELITKAN +ISSUE+ YANG HANGAT, TETAPI TIDAK MEMPUNYAI ASAS YANG KUKUH UNTUK MEMBUAT PENYELESAIAN.

DR. MAHATHIR BERKATA PEMIMPIN-PEMIMPIN SOSIALIS ITU SEKARANG SUDAH KEHABISAN MODAL UNTUK MEMANCIUNG UNDI DAN SEBALIKNYA MEREKA BERKEMPEN BERTUJUAN MENCEMARKAN PERIBADI CALUN BARISAN NASIONAL.  
—BERNAMA 1114/LK